



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KEPUTUSAN UJIAN SARINGAN POSITIF COVID-19

Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Dato' Saifuddin Abdullah telah disahkan positif COVID-19 setelah mendapat keputusan ujian saringan pada malam tadi (28 April 2021).

Sehubungan dengan itu, YB Dato' Saifuddin akan menjalani tempoh kuarantin mengikut saranan dan pemantauan rapi oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Buat masa ini, beliau sedang menjalani kuarantin di rumah sementara menunggu kemasukan ke wad di hospital.

Sepanjang tempoh rawatan dan kuarantin, YB Dato' Saifuddin akan terus memantau dan memastikan segala urusan Kementerian berjalan dengan lancar.

YB Dato' Saifuddin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah mendoakan kesembuhan beliau dan memohon maaf di atas kesulitan yang timbul akibat daripada situasi ini.

Pejabat Menteri
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
29 April 2021